

**IKLAN JAWATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

1. (a) Jawatan : Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41

(b) Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pengurusan dan Profesional

(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pendidikan

2. Jadual Gaji :

Gaji		Kenaikan Gaji Tahunan
Minimum	Maksimum	225.00
1,917.00	8,652.00	

3. Syarat Lantikan

(i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,018.52); atau

(ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,222.94); atau

(iii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,222.94); atau

(iv) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,733.98); atau

(v) Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM3,040.60).

4. Taraf Jawatan

: Tetap

5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat: Pegawai - pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

6. Fungsi Bidang Tugas :
- (i) Merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak berkeperluan khas.
  - (ii) Memberi didikan dan asuhan kepada kanak-kanak secara individu bersesuaian dengan keperluan kanak-kanak
  - (iii) Mengenalpasti, merancang dan menguruskan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian di luar kawasan TASKA.
  - (iv) Menganalisa dan menguruskan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan kanak-kanak berkeperluan khas.
  - (v) Menjalankan tugas Penolong Guru semasa ketiadaannya. Membimbing pengasuh melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sebagai persediaan menggantikan guru ketika bercuti atau mengalami hal kecemasan.
  - (vi) Memastikan peralatan kelas dan bangunan yang digunakan sentiasa selamat kepada kanak-kanak berkeperluan khas.
  - (vii) Menghadiri bengkel, latihan, kursus, seminar atau persidangan yang diarahkan oleh Jabatan. Membuat penilaian berterusan tentang perkembangan kanak-kanak berkeperluan khas dalam domain kognitif, efektif dan psikomotor dan merekod perkembangan kanak-kanak berkeperluan khas dalam :-
    - i. Portfolio kanak-kanak
    - ii. Rekod peribadi
    - iii. Rekod kemajuan kanak-kanak

7. Tarikh Tutup Permohonan : **28 Februari 2015 (Sabtu)**

**SKIM PERKHIDMATAN  
GURU BAHASA**

- KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
- GRED JAWATAN/GAJI** : **DG41, DG44, DG48, DG52, DG54**
- TARIKH KUAT KUASA** : **1 NOVEMBER 2013**
- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
    - (c) ijazah sarjana muda dalam bidang pengajaran bahasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41:RM2,120.73)
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred DG41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**
6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
    - (a) memenuhi tempoh percubaan;
    - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan

- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG44**
10. Guru Bahasa Gred DG41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa Gred DG44 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG48**
11. Guru Bahasa Gred DG44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa Gred DG48 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG52**
12. Guru Bahasa Gred DG48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa Gred DG52 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG54**
13. Guru Bahasa Gred DG52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa Gred DG54 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).